

Banjir, kemarau di Indonesia berlarutan hingga September



BERITA SEBERANG

JAKARTA – Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) meramalkan potensi bencana hidrometeorologi di Indonesia meningkat dari bulan Juli hingga September tahun ini, lapor saluran berita *Liputan6* semalam.

“Potensi bencana juga semakin meningkat pada Julai, Ogos dan mungkin berlarutan sehingga awal September di mana pada masa yang sama, kita akan mengalami bencana hidrometeorologi basah iaitu banjir, banjir kilat serta banjir tanah runtuh sekaligus hidrometeorologi kering termasuk kebakaran hutan dan kemarau,” kata Pemangku Ketua Pusat Data, Informasi dan Komunikasi Bencana BNPB, Abdul Muhari.

Menurutnya, potensi bencana sudah mula dilihat menerusi data BNPB pada 18 hingga 24 Julai lalu.

Jelas beliau, pada minggu sebelumnya, kekerapan banjir masih lebih tinggi daripada ke-



PASUKAN penyelamat mencari mangsa terperangkap di bawah runtuhan selepas banjir kilat melanda kawasan perumahan di Kampung Purasari, Bogor pada 24 Jun lalu. – AFP

bakaran hutan dan kemarau. Namun, pada minggu ini, kekerapan kebakaran hutan sebaliknya lebih kerap berbanding banjir.

“Orang ramai diminta sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga di kawasan yang terdedah kepada kebakaran hutan selain di lokasi yang sering dilanda banjir,” katanya.

BNPB secara berterusan atau berkala telah menghantar mesej

amaran awal dan usaha mitigasi yang mesti dilakukan kepada pemerintah tempatan.

Akan tetapi, Abdul berkata bahawa perkara yang paling penting sebenarnya adalah kesiapsiagaan masyarakat.

Contohnya bagi orang yang tinggal di sepanjang sungai atau di kawasan berhampiran dengan tebing dengan kecuraman yang tinggi. – **AGENSI**